PENGENALAN

PANDANGAN ISLAM MENGENAI AMALAN BERHUTANG	KONSEP PINJAMAN DALAM ISLAM
-Islam tidak menggalakkan umatnya untuk berhutang lebih--lebih lagi bagi tujuan yang melebihi keperluan hidup.	-Dibahagikan kepada 2 kategori iaitu al-'ariyah dan al-qard.
	-al-'Ariyah= Hanya melibatkan barangan yang tidak musnah apabila digunakan yang boleh dikembalikan dalam keadaan asal seperti kereta.
	-al-Qard= Pinjaman yang melibatkan pemindahan pemilikan barang yang boleh dianggar dan diganti mengikut bilangan, sukatan atau timbangan.

INTIPATI RIBA

LARANGAN RIBA	FATWA PENGHARAMAN RIBA	PRINSIP-PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG
-Surah Ali Imran (ayat 130): "Wahai orang-orang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertakwalah kamu kepada Allah agar kamu beruntung."	-Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke 32 pada 10-11 Jun1993: " Wang faedah yang diperolehi haram digunakan untuk diri sendiri dan hendaklah diserahkan kepada Baitulmal."	-Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis bagi memastikan kedua-dua pihak menyedari komitmen masing-masing.
-Rasulullah s.a.w bersabda: "Daripada Jabir beliau berkata, Rasulullah melaknat penerima riba, pemberi riba, pencatat dan dua orang saksi dan Baginda bersabda: Mereka semua sama dalam melakukan dosa." (Hadis Riwayat Muslim).		-Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman.
		-Hutang wajib dibayar kerana ianya merupakan hak individu tertentu.
		-Penyelesaian hutang juga disyariatkan dalam perwar-isan.

AL-QARD

DEFINISI AL-QARD	PRINSIP AL-QARD AL-HASAN
-Bahasa: al-qat'u (potong). Harta yang diberikan kepada orang yang berhutang dinamakan qard kerana pemiutang memotong sebahagian hartanya untuk diberikan kepada penghutang.	-Yang dimaksudkan dengan al-Qard al-Hasan: Transaksi pemberian hutang atau pinjaman wang yang bebas daripada unsur riba dan mengutamakan kebajikan.
-Istilah: Penyerahan sesuatu barang atau harta daripada pemiutang kepada penghutang dengan syarat barang atau sesuatu yang sama nilai dengannya dipulangkan kembali tanpa sebarang penambahan.	

Sponsored by **CrosswordCheats.com**
Learn to solve cryptic crosswords!
http://crosswordcheats.com

PENSYARIATAN AL-QARD AL-HASAN

DALIL	HUKUM AL-QARD AL-HASAN
Firman Allah s.w.t (Surah al-Baqarah:ayat 245): "Siapakan orang yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya dengan berganda--ganda banyaknya dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan."	Sunat berdasarkan berdasarkan dalil daripada al-Quran dan al-Hadis serta ijma' para ulama.

RUKUN SERTA OBJEKTIF PELAKSANAAN

RUKUN AL-QARD	OBJEKTIF PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN
-Pemiutang (orang yang memberikan pinjaman).	-Membantu golongan yang memerlukan.
-Peminjam.	-Merapatkan jurang perbezaan antara golongan kaya dan miskin.
-Barang yang dipinjam.	-Mengukuhkan sektor sosio ekonomi negara.
-Sighah.	-Sebagai salah satu wasilah dakwah kepada golongan bukan Islam.

KESIMPULAN

-Islam merupakan agama yang syumul melengkapi seluruh kehidupan termasuk aspek pengurusan kewangan.

-Tabiat berhutang wajar dihindari kerana akan mengakibatkan seseorang itu hidup dalam kegusaran.

-Umat Islam hendaklah menjalani kehidupan secara sederhana dan bersyukur atas nikmat yang dikurniakan Allah.

Sponsored by **CrosswordCheats.com**
Learn to solve cryptic crosswords!
http://crosswordcheats.com